

**Polis Masih Klasifikasi Perhimpunan Sabtu Ini Sebagai Haram**  
**Bernama**  
**20 June, 2013**

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Polis masih mengekalkan klasifikasi perhimpunan 'Black 505' yang dijangka diadakan di sini Sabtu ini sebagai haram kerana tidak mendapat kelulusan pemilik kawasan berkenaan.

Ketua Polis Daerah Dang Wangi, ACP Zainuddin Ahmad berkata perhimpunan yang akan diadakan Sabtu ini ternyata sama sekali salah sekiranya penganjur berkeras ingin meneruskannya kerana melanggar Seksyen 11 Akta Perhimpunan Aman 2012 di mana persetujuan pemunya atau penghuni tempat perhimpunan perlu diperolehi.

"Perhimpunan tersebut haram. Mereka tidak mendapat kelulusan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)," katanya ketika dihubungi Bernama.

Beliau juga menegaskan polis akan menjalankan siasatan berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada sekiranya penganjur tetap berdegil ingin meneruskan niat mereka untuk berhimpun.

Perhimpunan yang ditunjangi pembangkang itu dijangka diadakan di Padang Merbok di ibu negara walaupun tidak mendapat kebenaran DBKL.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=957596>